

Headline	Kakitangan TNB maut motosikal rempuh lori		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Nov 2018	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Negara	Page No	10
ArticleSize	86 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,721		



Kakitangan TNB maut motosikal rempuh lori

ALOR GAJAH – Seorang kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) maut selepas motosikal ditunggangnya merempuh belakang sebuah lori rosak di Lebuhraya Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ)-Rembia di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2.45 petang itu, mangsa, Mohd, Zahiruddin Jamaludin, 37, meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah pada anggota badan.

Pemangku Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik negeri, Asisten Superintendan K. Mahadevan berkata, ketika kejadian mangsa yang menunggang motosikal jenis Honda C100 dalam perjalanan pulang ke rumahnya di Pasir Puteh, Bachang.

“Sebelum kejadian, terdapat sebuah lori berhenti di susur kiri jalan kerana mengalami kerosakan.

“Mangsa yang dari arah sama kemudian gagal mengelak lalu merempuh bahagian belakang lori tersebut. Akibat rempuhan itu, mangsa meninggal dunia di tempat kejadian sebelum dihantar ke Hospital Alor Gajah untuk bedah siasat,” katanya.